

Kepemimpinan tegas, mesra pendekatan terbaik

BH - 15/6/2007.


KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kepemimpinan yang tegas tetapi mesra pendekatan terbaik bagi memastikan jentera pelaksanaan kerajaan berjalan lancar dengan memberi insentif sewajarnya bagi kerja yang memuaskan dan menghukum apabila perlu.

Perdana Menteri berkata, perwatakan mesra adalah sesuatu yang baik dan tidak ada salahnya seorang pemimpin bertindak tegas sambil mengekalkan sikap mesra.

"Saya tidak dapat menerima andaian mengatakan hanya ketegasan dapat menjamin kepemimpinan yang berkesan kerana nilai kemanusiaan juga amat penting apabila kita mahu rakyat serta kakitangan awam pelbagai peringkat bekerjasama dengan kita.

"Cuma kita perlu tahu mengimbangi di mana perlu ketegasan dan bila masanya pendekatan mesra lebih berkesan," katanya pada sesi soal jawab selepas menyampaikan ucapan bertema Menoleh Ke belakang, Mara Ke hadapan: 50 tahun Perniagaan di Malaysia", di sini malam tadi.

Dalam sesi sempena majlis makan malam Kelab Perniagaan Kuala Lumpur (KLBC) itu, Abdullah menjelaskan kemampuan seseorang pemimpin memenuhi keperluan rakyat menjadi ukuran sebenar kewibawaannya dan tiada kena mengena dengan perwatakan seseorang.



MESRA: Abdullah bersama Ketua Eksekutif CIMB, Datuk Nazir Razak (kanan) dan Presiden Kelab Perniagaan Kuala Lumpur, Datuk Dr Munir Majid pada majlis makan malam KLBC, di ibu kota, malam tadi.

Kepada satu lagi soalan mengatakan gaya kepemimpinan beliau tidak diberi pengiktirafan sewajarnya, Perdana Menteri berkata yang lebih penting ialah wujudnya kesungguhan politik bagi melaksanakan janji kepada rakyat.

"Secara peribadi, saya berpendapat apa yang dikata mesti dikota. Saya bertanggungjawab menunaikan segala janji dalam manifesto pilihan raya umum lalu kepada rakyat. Jika gagal, rakyat tidak akan percaya ke-

pada saya lagi.

"Namun saya yakin apa yang dijanjikan boleh saya penuhi berkat kerjasama rakan Kabinet, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan kakitangan awam kerana mereka menjadi inti pati penting mewujudkan kerajaan terbaik," katanya.

Abdullah juga menyangkal dakwaan kononnya kenaikan gaji kakitangan awam baru-baru ini adalah gimik pilihan raya umum yang mungkin diumumkan pada bila-bila masa.

Perdana Menteri berkata, sama ada pilihan raya umum diadakan dalam dua minggu atau dua tahun, tidak wajar menjadi alasan menafikan kakitangan awam menerima apa yang sememangnya menjadi hak mereka.

Beliau berpendapat, kenaikan gaji harus dilihat sebagai dorongan kerajaan bagi memantapkan sistem penyampaian dan mengurangkan kerenah birokrasi dalam pentadbiran, khususnya berhubung permohonan lesen dan permit.

IZHARI ARIFFIN | BERITA HARIAN